

**LEMBAGA TABUNG HAJI**



**SIDANG MEDIA  
PENGUMUMAN HIBAH KEPADA PENDEPOSIT TABUNG HAJI 2016**

**Oleh**

**YB. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
JUMAAT, 3 FEBRUARI 2017**

**TINGKAT 9, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA**

**JAM : 11.00 PAGI**

**(SILA SEMAK SEMASA PENGUMUMAN DIBUAT)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim,**  
Pengerusi, **TH**;

**Yang Berbahagia Datuk Seri Johan Abdullah,**  
Pengarah Urusan Kumpulan Dan Ketua Pegawai Eksekutif, **TH**;

**Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk,**  
Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan **TH**;

Barisan Pengurusan Kanan **TH**, Wakil-wakil Media Massa, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh** dan terima kasih kerana sudi hadir membuat liputan pada hari ini.

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana kita dapat sama-sama berkumpul di sini untuk **Pengumuman Hibah kepada Pendeposit bagi Tahun Kewangan TH 2016**.

#### **KONSEP AL-WADI'AH YAD DHAMANAH**

Pada tahun ini saya mengambil pendekatan baharu dengan menggunakan terminologi ‘Hibah’ berbanding ‘Bonus’ yang biasa digunakan. Sejak kebelakangan ini saya dapati, rata-rata tanggapan masyarakat mengambil pendekatan bahawa ‘hibah’ ini wajib dibayar dan mengharapkan pulangan yang tinggi daripada **TH** setiap tahun.

Kita perlu ingat bahawa tujuan utama kita menyimpan di **TH** adalah untuk mengerjakan Haji dan oleh kerana itulah, Kerajaan menjamin 100% simpanan pendeposit di **TH**.

Simpanan di **TH** adalah berlandaskan **konsep Al-Wadi'ah Yad Dhamanah**, di mana **hibah atau hadiah** adalah berdasarkan prestasi kewangan tahun semasa dan mengikut budi bicara **TH**.

Walaupun hibah tidak dijanjikan, namun Alhamdulillah, **TH** tidak pernah gagal memberi hibah kepada pendeposit setiap tahun. Apa yang **paling penting** adalah **TH** mampu meneruskan **tanggungan sebahagian besar kos haji** bagi meringankan beban kewangan Jemaah. **TH** juga memastikan kelancaran operasi haji setiap tahun, seperti perkhidmatan kesihatan, hospital, penjagaan warga emas dan badal haji, demi keselesaan Jemaah Haji Malaysia.

## **PRESTASI KEWANGAN 2016**


Seperti sedia maklum, pasaran kewangan global termasuk Malaysia telah melalui tempoh yang mencabar di sepanjang tahun 2016. Ini adalah ekoran kadar pertumbuhan ekonomi yang perlahan, ketidakseimbangan polisi di kalangan ekonomi-ekonomi utama dunia, ketidaktentuan geopolitik khususnya di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah, kenaikan kadar faedah oleh Federal Reserve AS, pengukuhan dolar AS dan aliran dana keluar daripada pasaran membangun.

Oleh itu, kadar pertumbuhan pendapatan syarikat-syarikat korporat Malaysia telah menerima kesan ekoran keadaan ekonomi global ini, penguncutan nilai Ringgit, kenaikan kos bahan mentah dan operasi, persaingan yang sengit dan permintaan yang lebih perlahan. **FTSE Bursa Malaysia Indek Komposit (FBMKLCI)** telah menyusut sebanyak 3% pada tahun lalu, manakala purata dividen daripada syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia hanyalah sekitar 3%. Pulangan daripada pasaran bon juga berada dalam trend menurun ekoran penurunan Kadar Polisi Semalam oleh Bank Negara Malaysia. Senario pulangan pelaburan yang menurun ini dijangka berterusan pada tahun 2017.

Alhamdulillah meskipun dalam persekitaran ekonomi dunia yang sedang meleset dan tidak menentu pada tahun 2016, prestasi kewangan **TH** kekal **POSITIF**.

**TH** menjalankan pelaburannya selaras dengan dasar Alokasi Aset Strategik sesuai dengan kedudukan **TH** sebagai pengurus dana yang memberi penekanan kepada pelaburan jangka panjang.

Pengurusan **TH** juga mengambil pendekatan kepelbagaian dalam portfolio pelaburan yang menyasarkan peluang pelaburan yang boleh menjana pendapatan berulang, mampan serta mempunyai daya ketahanan risiko.



## PENDAPATAN 2016


Syukur ke hadrat Allah SWT, walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran akibat keadaan ekonomi global masakini yang tidak menentu dan di luar kawalan kita, **TH** masih dapat mencatat pendapatan kasar sebanyak **RM3.42** bilion dan keuntungan bersih selepas zakat sebanyak **RM2.48** bilion bagi tahun kewangan 2016.

Tahun	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
<b>Pendapatan (RM Juta)</b>	1,857	1,513	1,689	2,047	2,176	2,835	3,730	3,289	<b>4,467</b>	<b>3,417</b>
<b>Keuntungan bersih (RM Juta)</b>	1,071	1,001	1,119	1,497	1,689	2,146	2,634	2,979	<b>3,536</b>	<b>2,481</b>

## SUMBER PENDAPATAN

Pendapatan daripada Ekuiti Urusniaga dan Ekuiti Dividen telah menyumbang RM1.7 bilion atau 50% daripada pendapatan kasar tahun ini. Keuntungan daripada Sekuriti Hutang 2016 menyumbang sebanyak RM836 juta yang meningkat RM133 juta atau 19% berbanding tahun 2015. Disamping itu, **TH** turut memperoleh pendapatan sebanyak RM900 juta daripada pemberian, sewaan, pasaran wang dan instrumen kewangan lain.

**TH mencatat penurunan dalam pendapatan pada tahun 2016 berbanding 2015 sebanyak RM1 bilion (23%) oleh kerana pada tahun 2015, TH menerima dividen secara ‘one off’ hasil daripada penjualan aset perladangan di Indonesia sebanyak RM874 juta dan sebuah bangunan di London sebanyak RM290 juta. Trend penurunan ini juga dihadapi oleh pungurus-pungurus dana yang lain.**



Sumber Pendapatan	RM'juta 2016	Komposisi 2016 %	RM'juta 2015	Komposisi 2015 %
<b>Ekuiti - Dividen</b>	803	24%	1,909	43%
<b>Sekuriti Hutang</b>	836	24%	703	16%
<b>Pembiayaan</b>	45	1%	71	2%
<b>Sewaan</b>	399	12%	376	8%
<b>Pasaran Wang &amp; Instrumen Kewangan Lain</b>	456	13%	849	19%
<b>Ekuiti - Urusniaga</b>	878	26%	559	12%
<b>JUMLAH</b>	<b>3,417</b>	<b>100%</b>	<b>4,467</b>	<b>100%</b>

## HIBAH

Setiap tahun Kadar Hibah **TH** kepada pendeposit adalah kompetitif walaupun simpanan di **TH** sama seperti akaun simpanan diperbankan Islam lain iaitu secara sukarela, tiada had dan syarat-syarat khas serta bayaran zakat telah dilunaskan.

Saya difahamkan kadar purata pulangan akaun Simpanan Al-Wadiah diperbankan Islam pada tahun 2016 adalah sekitar 2%. (Sumber BNM)

Dengan rasa penuh kesyukuran kepada Allah SWT, saya dengan sukacitanya mengumumkan bahawa **TH** akan mengagihkan **RM2.88 bilion** sebagai hibah kepada pendeposit.

Dengan jumlah ini, **Kadar Hibah TH 2016** kepada pendeposit adalah sebanyak **4.25%** dan **tambahan Hibah Haji** sebanyak **1.50%** kepada pendeposit yang belum pernah menunaikan Fardhu Haji.

**Bayaran Hibah** ini akan memberi manfaat kepada keseluruhan **9.1 juta** pendeposit, manakala **Hibah Haji diberi kepada 8.5 juta** pendeposit yang belum menunaikan Haji. Hibah yang telah saya umumkan sebentar tadi, telah mengambilkira **2.5% bayaran zakat sebanyak RM60.3 juta**. Bayaran zakat tersebut akan dibuat kepada semua Pusat Pungutan Zakat (PPZ) negeri-negeri dan juga secara langsung kepada asnaf-asnaf yang layak.

Tahun Kewangan	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
<b>Kadar Hibah</b>	5.00%	5.00%	5.00%	5.50%	6.00%	6.50%	6.00%	6.25%	<b>5.00%</b>	<b>4.25%</b>
<b>Kadar Hibah Khas/Haji</b>	2.00%	-	-	-	-	1.50%	2.00%	2.00%	<b>3.00%</b>	<b>1.50%</b>
<b>Jumlah Keseluruhan (juta)</b>	1,051	900	1,067	1,332	1,678	2,458	2,632	3,237	<b>3,220</b>	<b>2,875</b>
<b>Bayaran Zakat (juta)</b>	37	38	38	41	44	47	52	57	<b>59</b>	<b>60</b>

## PENDEPOSIT

Jumlah pendeposit **TH** pada 31 Disember 2016 telah meningkat sebanyak 3.4% kepada 9.1 juta pendeposit berbanding 8.8 juta pada 31 Disember 2015.

Jumlah **dana Simpanan Pendeposit TH terkumpul sebelum bayaran bonus pada akhir 31 Disember 2016** berjumlah **RM64.8 bilion**, peningkatan **4%** berbanding tahun 2015 sebanyak **RM62.5 bilion**.

Penambahan bilangan pendeposit ini menunjukkan masyarakat Islam di Malaysia yakin dan setia dengan **TH**.

## HAJI

Kemampuan kewangan **TH** hasil daripada aktiviti-aktiviti pelaburannya sentiasa disalurkan kepada pengurusan operasi haji setiap tahun.

**TH** akan terus mengekalkan **Bayaran Haji** sebanyak **RM9,980** bagi seorang jemaah pada tahun ini, walaupun Kos Sebenar pada Musim Haji 2017M/1438H ini meningkat kepada **RM19,550** seorang.

**TH** akan menanggung kos haji (subsidi) sebanyak **RM9,570** bagi seorang jemaah. Subsidi Haji tahun ini dijangka meningkat 25% kepada lebih daripada **RM200 juta** berbanding tahun 2016 (RM160 juta), susulan Kerajaan Arab Saudi mengembalikan kuota asal jemaah haji kepada 27,900 orang berbanding 22,320 orang sebelum ini.

Bayaran Haji sebanyak RM9,980 kekal sejak tahun 2009 walaupun kos haji meningkat setiap tahun. Untuk makluman semua, jumlah keseluruhan subsidi haji yang telah ditanggung sejak 2007 sehingga jangkaan 2017 adalah melebihi **RM1.1 bilion**. Ini satu jumlah yang besar serta membuktikan kedudukan kewangan yang baik dan mampan serta komitmen **TH** kepada para Jemaah Haji setiap tahun.

Tahun	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
<b>Kos Tanggungan Haji (RM - Juta)</b>	34.0	74.9	53.9	64.9	104.8	98.2	93.4	106.0	125.6	159.7	200.0*

\*Nota: Jangkaan subsidi haji sebanyak RM200 juta tahun 2017

## MELANGKAH KEHADAPAN

Pakar ekonomi dunia menjangkakan 2017 akan menjadi tahun kewangan yang tidak menentu dan mencabar. Oleh yang demikian, **TH** harus **fokus kepada sumber pendapatan yang berulang dan mampan dalam sektor terpilih** seperti hartaanah, perladangan, konsesi, infrastruktur, hotel berlandaskan syariah dan sebagainya.

**TH juga akan melaksanakan satu pelan transformasi strategik bagi memacu pertumbuhan pendapatan yang mampan dan berdaya saing demi kepentingan para pendeposit dan para jemaah haji.**

Dengan itu, pihak pengurusan **TH** telah membuat perancangan transformasi terperinci, berfokus serta menepati sasaran dalam tempoh masa tiga tahun, berpandukan kepada tiga prinsip asas berikut:

1. Kekal relevan sebagai pengurus dan perkhidmatan Haji terulung serta Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) di bawah TN50 yang strategik dalam pembangunan ekonomi ummah;
2. Mewujudkan nilai ekonomi untuk **TH** dan pihak berkepentingan melalui prestasi cemerlang; dan
3. Mematuhi sepenuhnya hak-hak dan tadbir-urus korporat yang baik serta memenuhi aspirasi pihak berkepentingan.

## **PENGHARGAAN**

**Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Prestasi baik yang dicapai **TH** walaupun dalam suasana ekonomi yang mencabar mencerminkan komitmen dan usaha berterusan Jemaah Lembaga Pengarah, Ahli-ahli Panel Pelaburan, pihak pengurusan dan seluruh anggota **TH** dalam memastikan penjanaan pulangan yang baik dan mampan.

Para pendeposit perlu sedar ‘hibah’ atau hadiah yang diberi oleh **TH** tidak boleh kekal dengan kadar meningkat kerana ianya bergantung kepada kemampuan kewangan dari semasa ke semasa.

Saya ingin memberi peringatan bahawa tahun 2017 akan lebih mencabar buat semua, tidak terkecuali **TH** memandangkan saiz dana dan pelaburannya yang terhad kepada sektor patuh shariah yang berprofil risiko sederhana di tambah pula dengan keadaan ekonomi yang masih tidak menentu.

Saya percaya **TH** mampu mengurangkan impak daripada cabaran-cabaran mendatang dan terus berusaha sebaik mungkin untuk mengukuhkan kedudukan agar terus memperolehi pendapatan yang mampan.

Apa yang paling penting, ingin saya tekankan sekali lagi kepada semua pendeposit bahawa simpanan mereka yang sedia ada di dalam akaun termasuk bayaran hibah yang bakal dikreditkan nanti, adalah selamat dan dijamin 100% oleh Kerajaan.

Saya percaya kejayaan **TH** adalah kejayaan semua dan terima kasih saya ucapkan atas sokongan pihak kerajaan terutamanya **YAB Perdana Menteri**,

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak** yang sentiasa memberi sokongan dan kepercayaan kepada saya dan **TH**.

Setinggi-tinggi terima kasih juga kepada semua Jemaah Lembaga Pengarah **TH**, Ahli-ahli Panel Pelaburan **TH**, Pihak Pengurusan dan para anggota **TH** yang telah memberi komitmen yang tinggi dan konsisten selama ini.

Pihak **TH** dan Kerajaan Malaysia juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pendeposit di atas kepercayaan dan sokongan berterusan yang diberikan kepada **TH**. Saya menyeru agar semua umat Islam di Malaysia untuk terus menyokong **TH**.

Para pendeposit boleh menyemak pengkreditan **Hibah TH 2016** di kaunter **TH** dan ATM bank-bank rakan strategik - Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank Islamik, selewat-lewatnya pada hari **Isnin, 6 Februari 2017**.

Akhir kata, ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat media yang sudi hadir pagi ini dan juga di atas kerjasama serta sokongan yang diberikan kepada **TH** selama ini.

**Sekian, saya sudahi dengan Wabillahittaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Tamat**

---

#### **Lembaga Tabung Haji**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas dan hospitaliti. **TH** mempunyai 123 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.